

UNSUR SPIRITUAL DALAM CERITA LISAN MELAYU

An element spiritual in Forktales

Siti Aishah Binti Jusoh

siti_saj@yahoo.com

Mohd Firdaus Bin Che Yaacob

firdaus.cy@umk.edu.my

Nasirin Bin Abdillah

nasirin@umk.edu.my

*Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan,
Kampus Bachok, Beg Berkunci No.1, 16300, Kelantan*

Published: 19 November 2021

To cite this article (APA): Jusoh, S. A., Che Yaacob, M. F., & Abdillah, N. (2021). Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 67-79. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.6.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.6.2021>

ABSTRAK

Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang mempunyai kepelbagaian corak budaya dan tatacara dalam struktur sosial. Kepelbagaian budaya menyebabkan tercetusnya pertukaran idea dan sudut pandangan baharu. Setiap teguran, sindiran dan pengajaran akan disampaikan melalui pantun, cerita-cerita seperti berunsurkan jenaka, legenda, mitos dan sebagainya. Cerita lisan Melayu mengandungi nilai estetikanya yang tersendiri sebagai panduan dan tunjuk ajar. Dalam konteks ini, cerita lisan diperturunkan dari mulut ke mulut melalui satu generasi kepada generasi yang lain. Oleh itu, sudah semestinya tokoh tambah dalam cerita rakyat akan berlaku kerana bergantung kepada situasi dan lapisan golongan pada waktu tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti dan menganalisis ritual sumpahan yang terkandung dalam cerita-cerita lisan Melayu. Pengaplikasian Teori Budaya adalah sebagai deduktif dalam kajian ini. Kajian ini juga membataskan 12 data cerita lisan Melayu yang dipilih secara rawak berdasarkan *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* sahaja. Penelitian dan penghuraian terhadap cerita-cerita lisan ini adalah berlandaskan Teori Budaya untuk memantapkan analisis kajian. Hasil kajian membuktikan bahawa sesetengah cerita lisan Melayu terdapat unsur spiritual, iaitu sumpahan. Hal ini bukan sahaja menjadikan ia menarik tetapi juga memiliki pemikiran kreatif yang boleh dijadikan medium pendidikan kepada masyarakat tempatan.

Kata kunci: cerita lisan Melayu; spiritual; sumpahan; Sastera Budaya.

ABSTRACT

The Malay community is a community of diverse cultural patterns and procedures in the social structure. Diversity has led to the exchange of new ideas and perspectives. Each lecture, satire and teaching will be conveyed through poetry, stories such as jokes, legends, myths and so on. Malay oral story contains its own aesthetic value as a guide and tutoring. In this context, the oral story is passed down from the mouth of a wreck through one generation to

another. Therefore, it is inevitable that a plus point in the folklore will take place because it depends on the situation and the class background. Accordingly, this study aims to identify and analyze the ritual curse contained in the oral tradition of the Malay. The application of the principle of presence and reinforcement through the Cultural Theory is also deductive in this study. The study also selected 12 Malay Folklores randomly based on 366 Folklore Collection in Malaysia only. The research and interpretation of these stories is based on Cultural Theory to measure the superiority of the story. The findings some Malay Folklores have spiritual elements which is curse element proving in the narrative plot. This not only makes it attractive but also has creative thinking that can serve as a medium of education for the local community.

Keywords: Malay folklores; spiritual; curse; Cultural Studies.

PENGENALAN

Cerita lisan sememangnya sinonim dengan kehidupan masyarakat Melayu yang wujud sejak zaman nenek moyang kita dahulu kala lagi. Umumnya, masyarakat Melayu terkenal dengan kelompok masyarakat yang terdiri dengan kepelbagaian corak budaya, adat resam, budi dan tatacara hidup. Kepelbagaian budaya menyebabkan berlakunya pertukaran pendapat, idea dan pengalaman hidup telah menimbulkan sesuatu yang baharu seperti ceritera-ceritera yang ingin disampaikan. Sehubungan dengan itu, cerita-cerita lisan yang berada dalam lingkungan masyarakat Melayu ini kaya dengan perutusan nilai-nilai murni yang dapat membentuk moral dan sahsiah diri dalam kalangan masyarakat setempat (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Hal ini bermakna tercetusnya nilai-nilai murni ini rentetan daripada rangkuman pengalaman hidup masyarakat tradisi yang dimuatkan dalam sesebuah cerita lisan milik masyarakat Melayu.

Menurut Othman Puteh (1984), kebanyakan cerita lisan adalah merujuk kepada suatu keadaan persekitaran dan budaya pada ketika itu yang sememangnya ada pengajaran, komedi dan nilai murni yang ingin disampaikan kepada khalayak. Oleh itu, cerita lisan bukan sahaja berfungsi sebagai bahan penglipur lara tetapi juga berfungsi untuk menyampaikan pengajaran dan tauladan kepada segenap lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur, khususnya kepada kanak-kanak pada waktu mereka kecil (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Selain itu, Normaliza Abdul Halim (2014) dan disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menegaskan bahawa cerita lisan mempunyai unsur-unsur cerita jenaka, cerita binatang, cerita mistik, epik, dongeng, asal usul, dan juga lagenda. Oleh itu, cerita lisan masyarakat Melayu merupakan suatu khazanah yang tidak ternilai sehinggakan menjadi medium kajian penyelidikan para pengkaji di luar Negara.

Selanjutnya, cerita lisan merupakan seni kesusasteraan lisan yang merujuk kepada segala bentuk seni dalam susastera. Ianya merangkumi nilai estetik, peranan sebagai panduan, petunjuk dan didaktisme yang dihasilkan oleh rakyat jelata (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Oleh itu, cerita lisan jelas menggambarkan bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu mempunyai akal fikiran yang panjang dalam membuat sesuatu perkara. Oleh hal yang demikian, unsur ritual dalam masyarakat Melayu sememangnya tidak asing lagi dalam sebuah penceritaan mereka. Menurut *Kamus Dewan* (2016), spiritual ditakrifkan sebagai keadaan ghaib yang tidak dapat diselami oleh pemikiran manusia, konsep spiritual mempunyai beberapa makna luar daripada agama. Spiritual juga menunjukkan ketika berlaku komunikasi antara satu sama lain yang mana dalam situasi meluahkan masalah terdapat juga “spirit”, iaitu perasaan yang ingin digambarkan. Menurutnya lagi, kebanyakan “spirit” sering dikaitkan dengan faktor keperibadian seseorang dan pokok pangkalnya, “spirit” merupakan suatu *energy* baik secara psikologi.

Dari segi perspektif Islam pula, spiritual merupakan perasaan yang tidak mampu digambarkan tentang nikmat beribadah dan nilai-nilai luhur dalam jiwa seseorang. Menurut Aman (2013), menyatakan bahawa unsur spiritual berkait rapat dengan hubungan Sang Pencipta, iaitu kesedaran rohani, menemukan makna hidup dan berhubungan dengan hal-hal yang ghaib. Oleh itu, menjadi titik tolak kepada pengkaji untuk menerokai cerita lisan Melayu serta susunan plot cerita yang menarik di sebalik cerita lisan yang berspiritual ini. Lantaran itu, eloklah kiranya pengkaji meluaskan kajian kesusasteraan lisan ini supaya tidak ditenggelam zaman dan dapat memelihara serta memulihara khazanah alam Melayu. Namun demikian,

pengkajian ini amat bersesuaian dengan teori sastera budaya untuk membincangkan dengan lebih lanjut mengenai unsur spiritual dalam cerita lisan Melayu. Teori Sastera Budaya merupakan landasan yang sangat sesuai untuk menghubungkan unsur spiritual dengan plot penceritaan.

SOROTAN KAJIAN

Pengamatan kajian lepas telah diteliti dan dikumpul bagi mengenal pasti kelompongan yang ada. Hal ini amat penting bagi mengelakkan peritindihan skop kajian berlaku khususnya mengenai aspek spiritual dalam cerita lisan ini. Oleh itu, beberapa kajian mengenai cerita lisan telah dikesan dan dianalisis beberapa aspek kajian.

Kajian oleh Arba'ie Sujud, Lily Salwani dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2011), iaitu fenomena sosial dalam cerita rakyat kanak-kanak. Kajian ini memaparkan hubungan sastera dan masyarakat mempunyai perkaitan erat kerana setiap cerita lisan yang dikongsi sememangnya terdapat nilai serta pengajaran. Dalam kajian ini juga, beberapa cerita lisan telah dipilih, iaitu *Peniup Seruling, Anak Angkat Harimau, Semangat Padi, Padi dan Rumput Lalang, Mutiara Tujuh Lautan, Awang Yang Lurus dan Awang Beemak Tiri* dilihat mempunyai nilai kemanusiaan yang diketengahkan. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan pedoman dan panduan khususnya kepada kanak-kanak untuk meneruskan kehidupan upaya lebih berdisiplin dan bertamadun.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2013) yang mengkaji terhadap nilai-nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini demikian kerana nilai-nilai murni memainkan peranan untuk pembentukan moral positif dalam dunia kanak-kanak serta bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu terhadap pembentukan moral positif dalam kalangan kanak-kanak. Seterusnya, teks yang digunakan dalam kajian ini ialah *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* yang diselenggarakan oleh Aripin Said & Othman Puteh pada tahun 2013. Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa kebijaksanaan tukang cerita dalam menghasilkan sesebuah cerita rakyat yang sarat dengan pengolahan citra nilai murni dalam karya mereka mampu mencetuskan suatu khazanah nilai yang berharga kepada diri kanak-kanak.

Seterusnya, Normaliza Abd Rahim (2014) dalam kajiannya untuk menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam lirik lagu “Burung Cenderawasih” seperti terkandung dalam cerita rakyat Melayu dengan mengenal pasti dan menganalisis watak dan perwatakan yang terkandung dalam lirik lagu “Burung Cenderawasih”. Lirik lagu “Burung Cenderawasih” merupakan sebuah lagu yang menarik dan lirik lagu ini dicipta menerusi sebuah cerita rakyat Melayu yang bertajuk “Burung Cenderawasih” diselenggarakan oleh Aripin Said & Othman Puteh (2015). Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak dapat memahami setiap watak dan perwatakan yang terkandung dalam lirik lagu yang telah diberikan serta lagu-lagu ini memberi hiburan kepada mereka di samping menerokai aspek nilai-nilai murni sebagai medium pengajaran kepada mereka.

Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) turut memerihalkan betapa pentingnya nilai-nilai murni dalam cerita rakyat Melayu dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* adalah bertujuan untuk menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni dalam cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2015). Seterusnya, kajian ini mengariskan 16 nilai murni yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia. Antaranya, nilai baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat. Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam teks *Himpunan 366 Rakyat di Malaysia* ini terdapat jalinan ikatan erat antara nilai-nilai murni yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam usaha melahirkan masyarakat yang harmonis.

Pengkajian mengenai Si Tanggung Moden dan Perubahan Makna dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka oleh Shaiful Bahri Md. Radzi (2005), mengisarkan lunturnya pengaruh cerita tersebut kepada masyarakat. Hal ini dek kerana pembangunan negara yang kian pesat menyebabkan segelintir masyarakat

telah mengendahkan tanggungjawab mereka terhadap orang tua. Kajian ini juga menegaskan bahawa masyarakat kini seolah-olah mementingkan diri sendiri dan menganggap ibu bapa ialah bebanan. Perkara-perkara yang negatif seharusnya dielakkan untuk menjamin kesejahteraan hidup.

Selanjutnya, Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016) juga menceritakan tentang kepentingan nilai baik hati dalam cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu serta menggariskan beberapa nilai murni seperti, baik hati yang dianalisis pula adalah belas kasihan, pemurah, bertimbang rasa dan memaafkan. Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa cerita-cerita rakyat Melayu selama ini sememangnya kaya dengan pengolahan nilai baik hati yang boleh dijadikan medium untuk mendidik dan membentuk moral positif dalam kalangan masyarakat serta ternyata Teori Pengkaedahan Melayu adalah suatu jalinan yang konkrit untuk memantapkan hujah perbincangan.

Tambahan pula, Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhamad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) yang berjaya menonjolkan kepentingan nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu yang wajar diamalkan untuk membentuk moral positif. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu dengan menggunakan pendekatan Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa elemen nilai kejujuran ternyata jelas terkandung dalam cerita rakyat Melayu yang telah dipilih dan penemuan nilai-nilai murni seperti ini telah membuktikan bahawa sememangnya masyarakat Melayu pada masa lampau dapat mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan untuk memastikan sebuah kehidupan yang sejahtera.

Berikutan itu, Feaz Huzaini Ramleh dan Humin Jusilin (2018) dengan tajuk kajian, iaitu unsur spiritual dalam Karya Catan Pelukis Sabah Sabrina Majuakim. Pengamatan kajian ini memperincikan elemen komunikasi dalam sesebuah karya catan adalah bertujuan untuk menyampaikan mesej. Catan adalah sebuah lukisan yang berfungsi sebagai medium dakwah untuk menyampaikan fahaman agama tertentu. Kajian ini juga menggunakan Teori Ikonografi Panofsky yang mampu mentafsir maksud tersurat dan tersirat sesebuah catan.

Di samping itu, pengamatan kajian, iaitu Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan Lagenda Kedah dan Motif Darah Putih oleh Asniza Zakaria (2019). Kajian ini secara ringkas berkisarkan definisi, fungsi dan ciri-ciri lagenda serta susur galur sejarah Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan. Kedua-duanya merupakan simbol kesucian dan mempunyai nilai estetika kepada masyarakat Melayu kerana sanggup bergadai nyawa untuk mempertahankan diri. Lagenda Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan bukan sahaja berperanan mendidik anak bangsa tetapi juga mengangkat martabat kesusasteraan Melayu.

Oleh itu, kajian yang bertajuk nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita lisan melalui satu penelitian takmilah oleh Muhammad Nur Al-Hakim dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) juga memaparkan nilai murni yang menggambarkan corak hidup masyarakat. Kajian ini berlandaskan Teori Takmilah selari dengan nilai positif yang dituntut dalam Islam. Justeru, kajian ini juga dapat memberikan pencerahan mengenai nilai-nilai kemanusiaan seperti baik hati, rendah diri, hormat menghormati dan murah hati yang mampu mendidik anak muda dan masyarakat sepaya kea rah yang lebih baik dan bertamadun.

Dapat dijelaskan bahawa pengkajian lepas mengenai cerita lisan Melayu sememangnya sudah ada. Namun, rata-rata kajian tersebut menekankan aspek nilai yang sememangnya dapat memberikan impak yang besar kepada masyarakat. Oleh itu, nilai-nilai yang positif sewajarnya perlu diambil pengajaran dan dicontohi.

PERNYATAAN MASALAH

Menerusi pengamatan awal terhadap kajian-kajian yang sedia ada berdasarkan sorotan kajian lepas telah memperlihatkan bahawa sudah ada sejumlah pengkajian ilmiah di Malaysia terhadap cerita rakyat melalui unsur intrinsik dan ekstrinsik. Namun, kebanyakan kajian tersebut adalah meliputi aspek nilai murni dan

moral yang ingin disampaikan kepada pembaca dalam cerita rakyat Melayu. Berikutan itu, pengkajian mengenai nilai murni tersebut khususnya dalam konteks cerminan moral telah dikaji oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2013), Normaliza Abd. Rahim (2014), Mohd Firdaus Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016), Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani serta Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017). Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati bahawa, kajian-kajian lepas yang terkini lebih memfokuskan kepada aspek nilai-nilai murni yang terkandung di dalam cerita lisan Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengisi kelompondangan kajian yang sedia ada sebelum ini untuk mengkaji aspek yang lebih bersifat mistik dan aneh yang terkandung dalam cerita lisan khususnya unsur ritual yang mampu memberi nilai tambah dalam konteks pengkajian cerita lisan Melayu di Malaysia. Hal ini demikian kerana unsur ritual juga akrab dengan alam dan manusia serta mempengaruhi baik dan buruk dalam pembedaan moral dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pengkaji untuk memastikan kajian yang memfokuskan aspek unsur ritual ini dapat dijalankan untuk memastikan kajian-kajian terhadap cerita lisan Melayu lebih berkesan dan menarik.

BATASAN KAJIAN

Menerusi batasan kajian ini, pengkaji memilih cerita lisan Melayu yang berunsurkan ritual sumpahan. Sehubungan dengan itu, bagi mencapai tujuan tersebut, pengkaji telah memilih *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* untuk dijadikan bahan kajian. *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* ditulis oleh Zainariah Abdul Wahab dan diterbitkan pada tahun 2017 oleh Edukid Publications Sdn. Bhd. *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* ini mempunyai sebanyak 220 halaman bercetak yang terdiri daripada cerita jenaka, binatang, teladan, nasihat, asal-usul, mitos dan juga lagenda. Namun, pengkaji hanya memilih cerita lisan Melayu yang berunsurkan ritual sumpahan sahaja.

Seterusnya, pengkaji telah membataskan beberapa cerita lisan Melayu sebagai data kajian yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi. Cerita lisan Melayu ini dipilih secara rawak berdasarkan *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Antaranya ialah *Pokok Berdarah*, *Sang Gedembai*, *Kisah Jambul Belatuk*, *Puteri Tupai*, *Ketam Sumpahan*, *Gunung Bubu*, *Bayan Dan Puteri Kayangan*, *Puteri Durian Tunggal*, *Sungai Sembilang*, *Seruling Buluh Perindu*, *Batu Penyu* dan *Sembilang Kuala Sawah*.

METODOLOGI

Berdasarkan kepada perkara yang diterangkan di bahagian pengenalan, reka bentuk bagi kajian ini adalah bersifat kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan teks. Kaedah perpustakaan digunakan untuk menelaah dan bahan untuk mendapatkan bahan-bahan bacaan seperti jurnal dan artikel. Selain itu, rujukan daripada buku-buku, majalah, kamus, bahan ilmiah, tesis para sarjana dan sumber internet. Bahan-bahan kajian ini sepenuhnya dirujuk di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Dewan Bahasa dan Putaka Wilayah Timur, Perpustakaan Daerah Jeli, Perpustakaan Komuniti, Perpustakaan Awam Kelantan, Perpustakaan Nilampuri dan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Seterusnya, teks pula merujuk kepada pengkajian cerita-cerita lisan yang terakum dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Teks digunakan dengan cara membacanya berulang-kali kerana bertujuan untuk proses mengenal pasti cerita-cerita lisan tersebut yang dipilih secara rawak. Antara cerita lisan tersebut adalah, *Pokok Berdarah*, *Sang Gedembai*, *Kisah Jambul Belatuk*, *Puteri Tupai*, *Ketam Sumpahan*, *Gunung Bubu*, *Bayan Dan Puteri Kayangan*, *Puteri Durian Tunggal*, *Sungai Sembilang*, *Seruling Buluh Perindu*, *Batu Penyu* dan *Sembilang Kuala Sawah*.

Selanjutnya, pengkaji turut memperincikan mengenai Teori Sastera Budaya. Teori ini telah diilhamkan oleh Mana Sikana pada tahun (2005). Menurut Mana Sikana 2005, Sebenarnya, Teori Budaya ini telah mempunyai kedudukan pada dekad 1990-an, iaitu sangat terkenal dengan peranannya kepada

masyarakat. Teori Budaya atau *Cultural Studies* merupakan sebuah teori yang luas. Menurut Mana Sikana (2005), menyatakan bahawa pengertian Teori Budaya sangat luas sebagaimana luasnya pengertian budaya. Pengertian budaya oleh Edward B. Taylor juga mentakrifkan bahawa budaya merupakan suatu keseluruhan yang diperoleh daripada anggota masyarakat meliputi aspek kepercayaan, bahasa, kesenian, akhlak, adat serta undang-undang. Namun, Mana Sikana 2005, menjelaskan bahawa Teori Budaya ini tidak secara tegas untuk memperlihatkan prinsip-prinsipnya, tetapi ia boleh digaris berpandukan kepada fenomena terhadap pembudayaan itu sendiri.

Berikutan itu, budaya dilihat bahawa masyarakat yang berkait rapat dengan kepercayaan, tradisi lisan, bahasa, kesenian, adat-istiadat, undang-undang, tatacara hidup, adab dan struktur sosial. Dalam konteks ini, pengkaji memilih aspek bahasa untuk memperlihatkan bagaimana keestetikaannya berfungsi. Istilah Bahasa menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat 2006*, merupakan sistem lambang bunyi suara yang dipakai oleh sesebuah kelompok sebagai alat perhubungan antara mereka. Ia dikategorikan sebagai bahasa yang formal. Pemaknaan bagi bahasa yang tidak formal pula melihat kepada Bahasa badan seperti gerak-geri, mimik muka, dan sebagainya selain daripada pertuturan. Tamsilnya, perbezaan dua situasi kenytan mata. Situasi pertama adalah kenytan mata seorang emak kepada anaknya yang membawa maksud teguran secara halus apabila berada di dalam majlis, manakala situasi kedua pula kenytan mata seorang lelaki kepada perempuan untuk memikat hati. Oleh itu, bahasa sememangnya memainkan peranan yang sangat penting untuk menonjolkan kebudayaan sesebuah kelompok. Muhammad Irfan Nyia bin Abdullah 2003, menegaskan bahawa aspek bahasa merupakan medium utama dalam menyampaikan buah pemikiran seseorang pengarang. Hal ini bermakna, bahasa sangat penting untuk difahami kerana ianya berkait rapat dengan budaya masyarakat seperti yang berikut:

- i. Sesebuah karya sastera ditulis oleh pengarang kemudiannya diceritakan oleh penglipur lara dan akhir sekali disalin oleh penyalin. Ketiga-tiga subjek tersebut adalah terdiri daripada anggota masyarakat.
- ii. Karya sastera sememangnya hidup dalam masyarakat, mempunyai nilai-nilai positif dan difungsikan oleh mereka sendiri.
- iii. Karya sastera merupakan seismograf yang mencerminkan norma masyarakat.

Oleh hal yang demikian, bahasa adalah pertuturan dan pertuturan itu jelas merujuk komunikasi cerita lisan sebagai karya sastera yang diperturunkan dari mulut ke mulut. Dalam hal ini, satu-satunya cara untuk mengembalikannya ke tengah-tengah masyarakat dengan memahaminya secara keseluruhan termasuklah makna, intipati, aspek intrinsik dan ekstrinsik. Apa yang pengkaji ingin bahaskan disini ialah perkaitan bahasa, iaitu cerita lisan yang berkaitan dengan sumpahan membawa maksud tersirat. disimpulkan bahawa Teori Budaya merangkumi seluruh kehidupan masyarakat yang dilihat dari pelbagai sudut dan sememangnya mempunyai perkaitan antara sastera dengan masyarakat.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Unsur spiritual bukan sahaja melibatkan benda ghaib dan mistik semata-mata, tetapi hubung kait manusia menerusi agama, mistik, kepercayaan, jiwa dan kerohanian juga adalah merujuk spiritual yang ada dalam diri seseorang. Oleh itu, pengkaji akan memperincikan dengan lebih lanjut mengenai aspek utama dalam unsur spiritual, iaitu sumpahan. Sumpahan dieertikan sebagai sesuatu yang disumpah seperti dalam contoh Si Tanggung yang disumpah oleh ibunya menjadi batu, (*Kamus Dewan, 2007*). Oleh itu, konsep sumpahan sebenarnya sering kali didengari khususnya dalam cerita lisan Melayu. Hal ini sangat berkait rapat dengan masyarakat dahulu kerana setiap perihal yang dilakukan akan disama ertikan dengan cerita logik mereka. Tamsilnya, jika si anak menderhaka kepada kedua orang tuanya maka sumpahan si ibu kepada anaknya akan terjadi. Hal ini sebenarnya menunjukkan bahawa keagungan seorang ibu sememangnya tiada tolak banding kerana doa seorang ibu amat berbisa. Dalam konteks ini, kebanyakan cerita lisan Melayu

mengandungi unsur sumpahan yang secara logiknya melambangkan pemikiran mereka yang mempercayai semangat alam serta kelebihan yang dimiliki oleh pawang.

Konsep sumpahan jelas terpancar dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang mana dipilih secara rawak. Terdapatnya unsur spiritual dalam cerita *Pokok Berdarah* menerusi petikan dibawah, iaitu: “Suatu hari, mereka ke hutan untuk berburu seperti biasa tetapi malangnya, mereka tersesat. Mereka bermalam di hutan selama tiga hari. Pada hari keempat, mereka menemui dua pohon pokok kayu kembar yang bentuknya menyerupai bentuk tubuh perempuan. Hairan melihat pokok itu, kedua-dua putera lalu menetak pokok itu dengan parang. Tiba-tiba, mengalir darah dari pokok itu. Pokok itu berkata, “wahai putera sulung dan putera bongsu, kamu sudah mencederakan kami. Maka, tebanglah kami.” Kedua-dua putera ketakutan namun tetap menebang pokok itu. Sebaik sahaja pokok itu tumbang, muncullah dua orang puteri raja yang sangat jelita. Kedua-dua puteri mengucapkan terima kasih lalu memberitahu bahawa mereka telah disumpah oleh ayahanda mereka dan tidak dibenarkan pulang ke kayangan.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 26)

Petikan cerita *pokok berdarah*, sumber menggambarkan tentang kisah tentang dua puteri yang telah disumpah menjadi dua pohon pokok yang berkembar. Hal ini menggambarkan bahawa rupa paras puteri tersebut sangatlah jelita. Mereka telah diselamatkan oleh dua orang putera raja yang kakak dan gagah perkasa, iaitu putera sulung dan putera bongsu. Mereka telah membawa dua puteri itu ke istana dan dijadikan pasangan hidup masing-masing. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa konsep sumpahan dalam cerita *pokok berdarah* menggambarkan masyarakat dahulu sememangnya berfikir kreatif untuk menghasilkan sebuah cerita. Watak anak raja yang digambarkan semestinya mempunyai rupa paras yang kakak dan sudah tentu akan mendapat isteri yang jelita.

Konsep sumpahan ini turut digambarkan dalam cerita *Sang Gedembai* melalui petikan di bawah: “Para tetamu yang hadir bersuka-ria dan bersorak gembira. Majlis semakin gamat dengan kehadiran angkatan gajah dan alunan seruling dan serunai. Disebabkan terlalu asyik berpesta, mereka terlupa akan penjaga Bukit Cuping, iaitu, Sang Gedembai. Sang Gedembai lalu mengingatkan para tetamu, “janganlah kamu membuat bising. Aku bimbang akan berlaku perkara yang tidak baik.” Tetapi para tetamu tidak mengendahkan peringatan Sang Gedembai. Mereka tetap membuat bising. Sang Gedembai tidak dapat bersabar lagi lalu berkata, “memandangkan kamu degil, jadilah kamu semua batu!” serta merta para tetamu dan angkatan gajah bertukar menjadi batu.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 36)

Petikan *cerita Sang Gedembai* jelas menggambarkan bahawa sumpahan manusia menjadi batu. Kejadian ini berlaku akibat mereka mengendahkan kata-kata orang tua dan terlalu bising ketika berlangsungnya majlis. Dalam konteks ini, sumpahan tersebut sebenarnya mempunyai maksud tersirat yang ingin disampaikan oleh orang terdahulu, iaitu kita semestinya menghormati tuan rumah dan tidak boleh berbuat bising dalam sesuatu majlis. Hal ini kerana, tatacara dan adab khususnya bagi masyarakat Melayu sangat dititikberatkan.

Selain itu, konsep sumpahan ini juga turut terkandung dalam cerita *Kisah Jambul Belatuk* sebagaimana petikan di bawah:

“Dahulunya, dikatakan ada sebuah negeri kayangan yang diperintah oleh Sultan Badrul Munir Syah. Baginda mempunyai dua orang putera, iaitu Putera Bahrin Syah dan Putera Nazir Syah. Suatu hari, Putera Nazir Syah mencuri mahkota raja lalu memakainya. Dengan sombong ia berkata, “mula hari ini, beta adalah raja yang baharu! Ayahanda beta sudah tua dan nyanyuk. Kekanda beta pula lembik dan tidak layak menjadi raja!” “Sungguh biadap sikap anakanda itu! Adakah anakanda cuba menderhaka?” murka Sultan Badrul Munir Syah. Baginda segera meminta para pengawalnya menangkap puteranya itu. Putera kemudiannya dihadapkan di hadapan raja. Baginda bertitah, “Disebabkan sikap biadap anakanda itu, ayahanda sumpah anakanda menjadi burung!” serta-merta, Putera Nazir Syah bertukar menjadi jambul berwarna merah. Baginda menamakan burung itu sebagai burung belatuk.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 38)

Petikan menerusi cerita lisan *Kisah Jambul Belatuk* menceritakan bahawa seorang anak yang menderhaka kepada ayahnya. Dan disebabkan itulah ianya disumpah menjadi seekor burung belatuk. Tamsilnya, Putera Nazir Syah telah mencuri mahkota ayahandanya, iaitu Sultan Badrul Munir Syah dan mengakui dirinya sebagai raja baharu yang akan memerintah negeri tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sikap mencuri dan derhaka kepada orang tua akan membawa padah. Kekreatifan masyarakat dahulu untuk menegur anak muda supaya menghormati kedua orang tua dapat dilihat secara sinisnya daripada cerita lisan ini.

Di samping itu, unsur spiritual melalui konsep sumpahan juga jelas dilihat dalam cerita *Puteri Tupai* berdasarkan petikan di bawah:

“Baru kamu tahu siapa si tua buruk ini! Dahulu ayah engkau menghalau akau keluar dari negeri.” “Ayah engkau pula meminta aku menamakan puterinya, sekarang ini ayahanda dan bonda engkau telah mangkat. Tak ada manusia pun yang ingin mendekati engkau Puteri Tupai! Ha! Ha! Ha! Tiada manusia lagi yang akan menyebut nama engkau Puteri Gemalai Suri,” tambah orang tua itu lagi. Raja Muda terlihat ada seekor tupai di tepi orang tua itu. Keesokan harinya, Raja Muda mencari-cari tupai itu. Tiba-tiba Raja Muda terlihat seekor tupai di atas pokok. Dia terus mendekati tupai itu lalu berkata “wahai tupai, adakah kamu Puteri Gemalai Suri?” tiba-tiba tupai tersebut bertukar menjadi seorang wanita sungguh rupawan. “Ya, hambalah Puteri Gemalai Suri. Terima kasih tuan hamba kerana memanggil nama hamba. Jika tidak, hamba akan selama-lamanya menjadi tupai,” kata Puteri Gemalai Suri.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 49)

Berdasarkan petikan cerita lisan di atas membawa pembaca untuk mengingati keadilan dalam berpolitik. Sebagai contoh, dendam seorang tua terhadap pemerintahnya yang menghalau dia keluar dari negeri menyebabkan berlakunya peristiwa di luar jangkaan. Kemangkatan raja dan permaisurinya telah mendorong orang tua tersebut untuk menyihir puteri raja menjadi seekor tupai. Namun, puteri itu telah diselamatkan oleh seorang Raja daripada menjadi seekor tupai buat selama-lamanya. Dalam hal ini, ia lebih menjurus kepada sindiran terhadap seorang pemerintah yang sepatutnya berlaku adil dan bersifat penyayang terhadap rakyatnya. Jelas menggambarkan bahawa unsur spiritual terhadap konsep sumpahan sebenarnya mempunyai matlamat yang ingin disampaikan terhadap seorang pemimpin khususnya dalam cerita *Puteri Tupai*.

Melalui cerita *Ketam Sumpahan*, juga menceritakan mengenai sumpahan terhadap seorang puteri bunian, iaitu seperti petikan cerita di bawah:

“Terima kasih tuan hamba kerana melepaskan hamba,” kata ketam tadi. Awang Bayung pun balik ke rumahnya. Awang Bayung terkejut melihat rumahnya yang usang kini bertukar menjadi rumah yang sangat besar. Awang Bayung teringat akan ketam tadi yang berjanji akan menolongnya. Malamnya, Awang Bayung termimpi seorang lelaki tua berjubah putih. Lelaki itu berkata ketam yang dilepaskannya tadi adalah puteri bunian. Sesiapa yang sanggup berkahwin dengannya, dia akan bertukar ke rupa asalnya. Dia menyuruh Awang Bayung pergi berjumpa puteri itu dan berkahwin dengannya agar hidup Awang Bayung senang dan bahagia.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 60)

Berdasarkan cerita lisan *Ketam Sumpahan* ini adalah dapat digambarkan tentang kisah seorang pemuda yang bernama Awang Bayung berubah menjadi senang. Awang Bayung seorang penangkap ketam yang telah berkahwin dengan puteri bunian. Diceritakan bahawa semasa dia menangkap ketam di sungai, dia telah mendapat seekor ketam besar. Namun, dia terkejut apabila ketam itu boleh bercakap dan meminta Awang Bayung untuk melepaskannya. Sifat baik hati Awang Bayung itu telah melepaskan ketam tersebut. Dipendekkan cerita, Awang Bayung telah bermimpi didatangi seorang lelaki berjubah putih telah menyuruhnya berkahwin dengan puteri tersebut. Keesokan harinya, Awang Bayung pergi ke sungai untuk berjumpa dengan puteri itu dan menyatakan hasratnya untuk berkahwin. Dia mengahwini puteri itu dan hidup bahagia. Namun, walaupun kehidupan Awang Bayung telah berubah, dia tetap bersyukur atas rahmat tuhan yang berikan segalanya. Dalam konteks ini, cerita lisan ini sememangnya menerapkan nilai positif

kepada pembaca khususnya dalam berbuat baik sesama makhluk. Tanpa kita sedar, setiap perbuatan baik yang dilakukan pasti ada seribu kebaikan yang datang.

Seterusnya, unsur spiritual ini juga terkandung dalam cerita *Gunung Bubu* yang tertera seperti yang berikut:

“Suatu hari, Sang Kelembai ke sungai. Dia hendak menahan bubu di sungai itu. Setelah menutup bubunya dengan rumpai, dia pun berjalan pulang. Dia tib di rumah sudah malam lalu tertidur. Esoknya, dia kembali semula ke sungai. Alangkah hampanya Sang Kelembai apabila tiada seekor pun ikan yang masuk ke dalam bubunya. Sang Kelembai turun lagi ke dalam sungai. Dia mengubah letak bubunya itu dan pulang ke rumah semula. Esoknya, dia ke sungai lagi dan melihat bubunya masih lagi kosong. Dia pun pulang dan berharap agar esok ada rezekinya. Esoknya, pagi-pagi lagi dia ke sungai. Alangkah hampanya Sang Kelembai apabila tiada seekor ikan pun yang masuk kedalam bubunya. Sang Kelembai menjadi marah lalu menghempaskan bubu itu. “Tiada guna kamu menjadi bubu. Lebih baik kamu menjadi gunung saja!” katanya. Seperti benda-benda lain yang ditegurnya, bubu itu bertukar menjadi gunung.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 70)

Cerita ini menggambarkan bahawa makhluk yang bernama Sang Kelembai mempunyai keistimewaan yang tersendiri kerana apa sahaja yang ditegurnya akan menjadi seperti yang disebutkan. Sang Kelembai telah menahan bubu di sungai untuk menangkap ikan. Namun, setelah berkali-kali dia menahan bubu, tidak ada seekor ikan pun yang masuk. Hal ini telah membuatkan Sang Kelembai marah. Akhirnya, bubu itu telah disumpahnya menjadi gunung. Dalam hal ini, kekreatifan masyarakat dahulu mengenai cerita lisan ini secara logiknya adalah untuk menakutkan kanak-kanak yang pergi bermain jauh sebaliknya mereka sebenarnya bimbang terhadap perkara yang tidak diingini berlaku. Oleh itu, kanak-kanak beranggapan sekiranya berjumpa dengan Sang Kelembai akan disumpah dan tidak dapat lagi balik ke pangkuan ibu. Selari dengan arus pemodenan kini, ramai remaja di luar sana tidak lagi mengendahkan tentang perkara tersebut. Segelintir daripada mereka yang keluar malam dan pulang pagi. Remaja perlu dibentuk bukannya dari bengkungnya, namun susun atur mereka hendaklah dicorak sebelum kenal dunia lagi.

Namun demikian menerusi cerita lisan yang bertajuk *Bayan Dan Puteri Kayangan* jugaturut memperlihatkan konsep sumpahan sebagaimana petikan di bawah:

“Bayang bersimpati dengan ular tersebut lalu menolongnya. “Terima kasih atas pertolongan tuan hamba. Hamba berjanji akan membalas budi baik tuan hamba ini,” kata ular itu. Selepas kerjanya selesai, Bayan pun pulang ke rumah. Alangkah terkejutnya Bayan apabila melihat rumahnya bersih dan makanan sedia terhidang di atas meja di dapaur. Perkara yang sama berulang lagi setiap hari. Rumahnya bersih dan makanan siap dihidang. Bayan berasa sangat hairan. Keesokannya, Bayan berpura-pura keluar rumah tetapi sebenarnya dia bersembunyi di sebalik semak. Selepas beberapa ketika, terdengar bunyi orang menyapu halaman rumah. Kemudian bunyi menuju ke dapur. Ia mendapati seorang gadis rupawan sedang memasak di dapurnya. Gadis itu terkejut melihat Bayan. Bayan meminta gadis itu menceritakan perkara sebenar. Gadis itu berkata, “Hamba adalah puteri kayangan yang telah disumpah menjadi seekor ular oleh ibu tiri hamba lalu di buang ke bumi.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 103)

Sumber menceritakan kisah seorang puteri yang disumpah oleh ibu tirinya menjadi seekor ular. Tetapi, puteri tersebut telah dibebaskan oleh seorang pemuda yang bernama Bayan. Diceritakan bahawa, semasa Bayan di hutan untuk menebang pokok, dia terdengar jeritan meminta tolong dan mendapati seekor ular telah tersepit di celah-celah dahan pokok yang ditebangnya. Rasa simpati Bayan tidak mengira makhluk dan darjat. Walaupun hanya seekor ular, dia tetap menolong ular tersebut daripada tersepit. Nasib Bayan telah berubah apabila ular yang ditolong itu merupakan seorang puteri. Setiap hari puteri itu akan memasak dan membersihkan halaman rumah tanpa pengetahuan Bayan. Namun, rahsia puteri tersebut terbongkar apabila Bayan mengetahui perkara sebenar. Inti pati yang diperoleh daripada cerita BDPK ialah tuah ayam Nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu. Begitulah kita sebagai manusia, seharusnya mempunyai belas ihsan terhadap makhluk tidak kira binatang mahupun manusia.

Sementara itu, konsep sumpahan juga terdapat dalam cerita *Puteri Durian Tunggal* berdasarkan petikan di bawah:

“Suatu pagi, Pak Sagor dan isterinya hendak menebang pokok durian itu. Tiba-tiba, Pak Sagor ternampak sebiji durian yang amat besar di dahan yang paling rendah. Dia lalu menghampiri buah itu dan tiba-tiba dia terdengar suara dari dalam buah durian itu. Pak Sagor lantas memotong tangkai durian itu dan keluarlah seorang perempuan muda yang sangat elok paras rupanya. Rupa-rupanya itu merupakan Puteri Durian Tunggal. Dia telah disumpah oleh bapa dan ibunya kerana mencintai orang yang tidak disukai mereka. Hai di mana Pak Sagor membelah durian itu barulah dia bebas.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 128)

Berdasarkan petikan di atas, sumber menggambarkan bahawa seorang gadis yang disumpah oleh kedua orang tuanya menjadi durian kerana mencintai orang yang tidak disukai oleh mereka. Namun, sumpahan itu telah bebas apabila seorang peladang yang bernama Pak Sagor telah membelah sebiji durian yang ganjil itu. Puteri Durian Tunggal itu menjanjikan bahawa kehidupan Pak Sagor akan mewah dan bahagia. Berikutan dengan cerita tersebut, ia tidak dapat dinafikan bahawa situasi mengenai orang tua yang tidak berkenan dengan pilihan pasangan hidup anaknya sememangnya terjadi dalam segelintir masyarakat kini. Dalam kalangan segelintir masyarakat kini, pasangan anak mereka diterima sekiranya seseorang itu kaya, berharta dan berpengaruh. Walhal Rasulullah S.A.W pernah berpesan mengenai pemilihan jodoh yang mana bergantung kepada empat perkara, iaitu dalam potongan hadis yang berbunyi, “wanita dikahwinkan kerana empat perkara; kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya, maka pilihlah wanita yang taat beragama, nescaya engkau beruntung” (Hadis Riwayat Bukhari)

Selanjutnya, *Sungai Sembilang* juga merupakan salah satu cerita yang menggambarkan sumpahan seperti berikut:

“Malam itu, bulan terang. Suri pun pergi ke tasik sambil membawa jala dan beras. Dia menabur beras ke dalam tasik itu. “Ikan dalam tasik ini tidak boleh ditangkap. Nanti cucu akan ditimpa celaka,” kata suatu suara. Namun Suri tidak mengendharkannya. Dia tetap menabur jala dan menangkap ikan. Ikan-ikan itu kemudiannya dibawa balik dan dipanggangnya. Apabila siap dimasak, Suri pun memakanikan-ikan sembilang yang ditangkapnya sehingga habis. Tiba-tiba, Suri berasa perutnya sakit. Kepalanya juga sakit. Jirannya lalu memanggil dukun di kampung itu, iaitu Embuk Mariam. Embuk Mariamlah yang telah menasihatkannya pada malam semalam. Tidak lama kemudian, Suri menjelma sebagai ikan sembilang. Embuk Mariam pun melepaskan ikan sembilang itu ke dalam sungai.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 132)

Berdasarkan petikan di atas, sumber mengisahkan seorang janda yang bernama Suri baharu sahaja berpindah di sebuah kampung. Di kampung itu, terdapat sebuah tasik yang sangat cantik tetapi ianya sangat berbahaya. Sesiapa sahaja yang pergi ke tasik itu akan ditimpa musibah dan bencana. Dikhabarkan kisah tasik itu kepada Suri namun sedikit pun membuatkan Suri tidak percaya. Suatu malam, Suri telah membawa jalanya dan menangkap ikan-ikan di tasik itu. Perbuatan Suri telah ditegur oleh dukun kampung itu, iaitu Embuk Mariam. Namun, sama sekali diendahkan. Suri telah membawa pulang ikan-ikan tersebut dan perkara yang tidak diingini telah berlaku kepada Suri. Dia telah mengalami sakit perut yang teramat sangat setelah memakan ikan yang dipanggangnya sehingga habis. Suri telah termakan sumpahnya dan mejadi ikan sembilang. Dalam konteks ini, ia memberi gambaran bahawa setiap teguran dan nasihat oleh seseorang hendaklah diambil iktibar. Oleh hal demikian, kita janganlah diibaratkan seperti mencurah air ke daun keladi sebagaimana susah menerima nasihat daripada orang lain.

Konsep sumpahan juga diceritakan dalam cerita *Seruling Buluh Perindu* seperti yang berikut: “Rajuna dan Tapa memilih jalan yang berbeza dari Manja. Sewaktu mula mendaki, Rajuna dan Tapa mendengar suatu suara menegur mereka, “Mahu ke mana Rajuna?” “Mahu ke puncak bukit untuk mencari buluh perindu,” jawab Rajuna. Sepantas itu dia disumpah menjadi batu. Begitu juga dengan nasib Tapa. Manja yang memilih jalan lain bertemu dengan seorang tua di kaki bukit. Dia meminta petua jalan untuk mendaki bukit. Orang tua itu mendapati Manja seorang yang jujur lalu membantunya. Dia berpesan kepada Manja agar tidak menjawab atau berpaling ke belakang apabila ada yang menegur kerana itu

merupakan iblis dan dia akan disumpah menjadi batu. Sepanjang perjalanan, Manja menyubat telinganya dengan kain. Apabila tiba di puncak bukit, Manja pun mengambil buluh perindu buluh perindu lalu menebuk lubang-lubang kecil dan dijadikan seruling. Apabila turun ke bawah, dia meniup serulingnya. Ramai orang yang ditemuinya. Rupa-rupanya bunyi seruling itu menukarkan orang yang disumpah menjadi batu kepada manusia semula.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017:143)

Petikan cerita di atas menceritakan tiga orang adik beradik telah pergi berguru, Rajuna yang sulung, Tapah dan Manja yang bongsu. Sikap ketiga-tiganya sangatlah berbeza. Rajuna dan Tapah mempunyai sifat cemburu manakala adik bongsunya, Manja seorang yang jujur. Diceritakan lagi bahawa, sebelum menamatkan pengajian, mereka perlu mencari buluh perindu yang terletak di puncak bukit. Kedua abangnya telah memilih jalan yang berbeza dengan adiknya, Manja. Namun, semasa dalam perjalanan mereka ke puncak bukit, kedua abangnya ditegur oleh suara aneh dan sekelip mata disumpah menjadi batu. Perjalanan Manja pula telah menemui seorang tua. Disebabkan sifatnya yang terlalu jujur, orang tua itu telah berpesan kepada Manja agar tidak menjawab apa yang akan ditegur dalam perjalanannya kelak. Akhirnya, Manja berjaya mendapatkan buluh perindu dan segera ditebuknya menjadi seruling. Dalam perjalanan turun ke bawah, Manja telah meniup serulingnya dan tanpa dia sedar seruling itu telah menukarkan sumpahan batu kepada manusia. Oleh hal demikian, dapat disimpulkan bahawa orang yang baik sememangnya akan memberi kebahagiaan kepada orang lain.

Bukan sahaja itu, konsep sumpahan juga turut terdapat melalui cerita *Batu Penyu* melalui petikan di bawah:

“Di Taman Laut Banjaran Sari, Pantai Terengganu, ada dua ekor adik-beradik penyu yang sedang bermain. Seekor penyu jantan dan seekor lagi penyu betina. Sedang leka bermain, mereka tersesat. “Apakah nama tempat ini?” soal mereka kepada ikan buntal. “Nama tempat ini adalah Laut Rantau Abang. Di darat sana ada taman yang cantik!” kata ikan buntal. Dua ekor penyu itu pun terus naik ke darat. Seekor ketam menegur mereka, “Kamu berdua hendak ke mana?” “Bermain-main di taman,” jawab mereka. “Berhati-hati. Jangan sesekali minum air kolam di taman itu,” pesan ketam. Di taman, penyu jantan lupa akan pesan ketam lalu minum air kolam. Akibatnya, penyu jantan tersumpah menjadi batu. Penyu betina berasa sedih dan hiba. Sejak itu, setiap kali penyu betina hendak bertelur, ia akan naik ke darat dan menziarahi abangnya yang disumpah menjadi batu.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 149)

Cerita lisan *Batu Penyu* ini mengisahkan seekor penyu jantan yang telah disumpah menjadi batu. Sumpahan tersebut terkena apabila penyu jantan telah terlupa pesan ketam bahawa tidak boleh minum air kolam di taman tersebut. Dalam konteks ini, sumpahan penyu jantan menjadi batu telah menjadikan penyu betina sangat sedih dan akan naik ke darat ketika proses bertelur untuk menziarahi abangnya. Sebenarnya hal ini memerihalkan habitat penyu betina yang bertelur sememangnya akan naik ke darat untuk mencari tempat bertelur.

Konsep sumpahan yang terakhir dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* adalah melalui cerita *Sembilang Kuala Sawah* sebagaimana petikan tersebut:

“Suatu hari, dia bermimpi bahawa tasik itu kepunyaan penduduk kayangan. Manusia tidak boleh makan ikan di dalam tasik itu kerana ia adalah ikan peliharaan puteri raja. Sesiapa yang makan ikan di tasik itu akan ditimpa bencana. Tidak ada seorang penduduk kampung pun yang berani menangkap atau memakan ikan tasik itu. Suatu hari, datang seorang janda namanya Cik Sambi. Tuk Ujang menasihatinya supaya jangan sesekali menangkap atau memakan ikan di tasik itu tetapi Cik Sambi berdegil. Dia tetap pergi ke tasik itu untuk mnjala ikan. Baru sahaja Cik Sambi menebarkan jalanya, muncul seorang perempuan tua lalu berkata, “Janganlah kamu tangkap ikan-ikan itu. Ikan itu bukan makanan manusia.” Cik Sambi tidak mengendahkan kata-kata perempuan tua itu dan tetap menebarkan jalanya. Apabila dia menarik jalanya, jalanya dipenuhi ikan keli. Cik Sambi berasa hairan mengapa hanya ikan keli. Namun dia tetap membawa pulang semua ikan itu. Sampai di rumah, Cik Sambi terus menyang ikan-ikan keli itu lalu menyalainya. Selepas siap menyalai, dia pun makan dengan penuh selera. Keesokan paginya, perut Cik Sambi berasa

sangat sakit. Tiba-tiba Cik Sambi bertukar menjadi ikan. Rupanya seperti ikan keli tetapi warnanya tidak hitam dan bentuknya lebih besar.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 157)

Petikan cerita ini mengisahkan tentang seorang janda yang disumpah menjadi ikan keli. Sumpahan itu terkena apabila Cik Sambi berdegil untuk menangkap ikan kepunyaan puteri raja. Di kampung itu, tidak ada seorang pun yang berani menangkap ikan dalam tasik tersebut kerana sesiapa sahaja yang makan ikan daripada tasik itu akan ditimpa kecelakaan. Namun, Cik Sambi tetap mengendahkan nasihat orang kampung dan terus menebarkan jalanya untuk menangkap ikan. Tidak dapat dinafikan bahawa Cik Sambi memperoleh ikan keli yang sangat banyak. Ikan-ikan tersebut dibawa pulang kerumah lalu menyang dan menyalainya sehingga masak. Sesudah makan, Cik Samni berasa sangat sakit dan bertukar menjadi seekor ikan yang besar. Dalam hal ini, peristiwa mengambil ikan tanpa keizinan membawa pembaca mengingati adab menjaga hak orang lain. Ia juga dapat dikaitkan bahawa masyarakat dahulu sangat patuh pada arahan raja yang mana sekiranya berlaku penderhakaan dan mencuri akan mendapat tular. Begitulah watak Cik Sambi yang mengambil hak orang lain tanpa pengetahuan akan terima pada kepada diri sendiri.

KESIMPULAN

Secara simpulnya, konsep ritual sumpahan dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* sememangnya mempunyai makna tersirat yang ingin disampaikan. Melalui cerita lisan masyarakat Melayu itu dapat membawa pembaca meneliti fungsi sebenar unsur sumpahan terhadap sindiran kepada politik dan teguran kepada anak remaja serta nasihat khususnya menyentuh perihal kehidupan sejagat. Hal ini juga bermakna *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* bukan sahaja menjadi medium bahan kajian, malahan ia telah memberikan sumbangan yang sangat besar untuk mendidik masyarakat supaya kearah lebih positif. Oleh itu, Teori Budaya telah memperlihatkan bahawa bahasa sememangnya mempunyai perkaitan rapat dengan masyarakat. Oleh itu, sudah jelas bahawa cerita lisan Melayu sememangnya sarat intipati untuk dijadikan pengajaran dan teladan kepada semua.

RUJUKAN

- Sujud, A., Bt Razali, L. S., & Nik Muhammad Affendi, N. R. (2011). Fenomena Sosial dalam Cerita Rakyat Kanak-Kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 138-151.
- Zakaria, A. (2020). Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih. *Jurnal IPDA*, 26(1), 203 - 211.
- Faez Huzaini Ramleh, Humin Jusilin. (2018). *Unsur Spiritual dalam Karya Catan Pelukis Sabah Sabrina Majuakim*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Vol 2 (Special Issue, September) 256-273.
- Kamus dewan* (2007). Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2013). Citra Nilai Murni Cerita Rakyat di Malaysia dalam Konteks Dunia Kanak-Kanak. *Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VIII*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 13-14November.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahriah Norain Shahrudin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2017). *Cerminan Moral dalam Cerita Rakyat Melayu*. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 6 (6), 35-44.

- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. *Journal of Business and Social Devolepment*. 4 (2), 48-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2014). *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni*. *Journal of Business and Social Devolepment*. 2 (2), 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Seuntai Nilai-Nilai Murni Dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia*. *Tesis Sarjana Sastera*, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah*. *PENDETA: Journal of Malay Langguage, Education and Literature Jilid 12, (1),11-25*.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). *Perception on the Animals Fable 'Bird of Paradise' Song*. *Asian Social Science Journal*, 10 (19), 17-23.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2015). *Si Tanggung Moden dan Perubahan Makna dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka*. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, Jilid 31 (2), 247-261.
- Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, Fatimah Abdul Nasir. (2017). *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur. Edukid Publication Sdn.Bhd.